





LAPORAN SUKUAN-3

20 25



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



ISI KANDUNGAN

1.0	KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH	1	4.0	LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT	28
1.1	Pengenalan	2	4.1	Siaran Langung YIDE Di TV3 & TV Al-Hijrah	29
1.2	Perincian Kos Pembangunan	3	4.2	Aktiviti Dakwah YIDE	31
1.3	Ringkasan Kemajuan Projek	4	4.3	Jalanan Strategik & Aktiviti	33
1.4	Progres Pembinaan Kompleks	5			
2.0	PUSAT DIALISIS LZS-YIDE PUNCAK PERDANA	8	5.0	LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS	37
2.1	Pengenalan	9	5.1	Pengenalan	38
2.2	Ringkasan Kemajuan Projek	10	5.2	Cawangan Dialisis MAIS	39
2.3	Progres Pembinaan Kompleks	11	5.3	Statistik Pesakit Dialisis	40
			5.4	Lawatan Pakar Nefrologi & Doktor Perubatan	41
3.0	LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN	12	5.5	Jalanan Strategik & Aktiviti	42
3.1	Anak Yatim	13	6.0	LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, RISIKO & INTEGRITI	43
3.1.1	Statistik Anak Yatim YIDE	13			
3.1.2	Aktiviti & Sumbangan Kepada Anak Yatim	15	6.1	Jalanan Strategik & Aktiviti	46
3.1.3	Bulan Anak Yatim	17	7.0	AKTIVITI UMUM	48
3.2	Bantuan Musibah	21	7.1	Mesyuarat Sulung Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) YIDE	49
3.2.1	Statistik Penerima Manfaat	22	7.2	YIDE Ke Arah Kemampanan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	
3.2.2	Penerima Sumbangan Musibah/Bencana	24	8.0	AKAUN SUMBANGAN YIDE	48

1.0


KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

1.1 Pengenalan

1.2 Perincian Kos Pembangunan

1.3 Ringkasan Kemajuan Projek

1.4 Progres Pembinaan Kompleks



1.1 PENGENALAN

PEMBINAAN KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM



Selain dari menitikberatkan pada kelangsungan dan kesejahteraan kebajikan anak-anak yatim individu, YIDE telah mengorak langkah untuk membangunkan dan menguruskan sebuah kompleks anak yatim sendiri sebagai Pusat Kecemerlangan Anak Yatim

Pada 19 Ogos 2019 yang lalu D.Y.T.M Raja Muda Selangor telah berkenan menyempurnakan cadangan Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah dan melancarkan tabung wakaf khas bagi tujuan ini demi merealisasikan pembangunan kompleks ini agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah ini dibangunkan di atas tanah yang diwakafkan oleh Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. seluas 3.47 ekar dan sumbangan wakaf sebanyak RM5 juta.

Kompleks Asrama Anak Yatim YIDE yang dijangka siap pada 29 Januari 2026 bakal menampung seramai 108 anak yatim lelaki pada satu-satu masa, dilengkapi dengan blok asrama, dewan serbaguna, surau, arena kiosk dan taman permainan berkonsepkan Islamik Kontemporari. Dengan kos pembangunan sebanyak RM17 juta, kompleks ini diharap menjadi mercu kebajikan anak yatim di Negeri Selangor. YIDE akan memulakan pemilihan anak-anak yatim dari seluruh daerah Selangor pada pertengahan tahun 2026, dan mereka yang terpilih terdiri daripada pelajar lelaki Tingkatan 1 hingga 3 yang akan menghuni kompleks ini serta memulakan sesi persekolahan pada Januari 2027 sebagai kumpulan pertama program pembangunan rohani dan pendidikan berasrama di bawah YIDE.

Anggaran Kos Projek

RM17 Juta

Tarikh Jangkaan Siap:
29 Januari 2026



Dana
Diperolehi

RM13.1 Juta

Baki yang
diperlukan

RM3.9 Juta

Kemaskini sehingga 30 September 2025



1.2 PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN

PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN STRUKTUR FASILITI UTAMA



ASRAMA
RM5,260,631.00



SURAU
RM2,097,766.00



DEWAN SERBAGUNA
RM3,385,987.80



ARENA KIOSK
RM673,727.10

PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN FASILITI SEKUNDER

INFRASTRUKTUR

RM3,857,906.10

LANDSKAP

RM449,836.50

PINTU PAGAR

RM71,035.40

PONDOK PENGAWAL

RM61,499.80

GAZEBO

RM34,350.00

TAMAN PERMAINAN

RM30,914.30

PERABOT DAN KELENGKAPAN INTERIOR

RM736,455.00

1.3 RINGKASAN KEMAJUAN PROJEK

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Kos Pembangunan	RM 16,000,000.00
2.	Kos Perabot & Kelengkapan	RM 1,000,000.00
Jumlah Keseluruhan Kos Pembangunan		RM 17,000,000.00
Jumlah Kutipan Dana Semasa		RM 13,100,000.00
Jumlah Perbelanjaan Semasa (Perundingan + Kontraktor)		RM 6,120,000.00

Baki Dana yang diperlukan untuk KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN

RM 3,900,000.00



Kemaskini sehingga 30 September 2025

1.4 PROGRES PEMBINAAN KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

Setakat 30 September 2025

LOKASI KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

PT 161557, Persiaran Pulau Lumut
Taman Laguna Pulau Indah,
Klang Selangor Darul Ehsan

Setakat 30 September 2025,
keseluruhan progres fasiliti-fasiliti
kompleks telah mencapai sebanyak 81%.

DEWAN SERBAGUNA



Struktur lantai dan tiang telah dibina mengikut perancangan jadual dimana program-program rasmi akan dilaksanakan kelak setelah fasiliti ini siap dibina.



SURAU



Struktur asas lantai surau juga telah dibina dan mencapai peratusan progres sebanyak 80%.

Surau ini bakal menampung sehingga 200 orang jemaah pada satu-satu masa.



KIOSK

Fasiliti Kiosk akan tersedia sebanyak 4 unit dan progres pembangunan fasiliti ini adalah pada kadar 81%



BLOK ASRAMA

Blok asrama di Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah merupakan fasiliti utama yang direncanakan untuk menempatkan seramai 108 anak yatim lelaki. Blok asrama ini bakal dilengkapi sub-fasiliti lain seperti bilik kelas, perpustakaan, makmal IT, bilik aktiviti, 'sick bay', dapur, pejabat pengurusan dan pondok pengawal. Progres terkini fasiliti ini adalah pada 71%



PONDOK PENGAWAL



2.0

PUSAT DIALISIS LZS-YIDE PUNCAK PERDANA

2.1 Pengenalan

2.2 Ringkasan Kemajuan Projek

2.3 Progres Pembinaan Kompleks



2.1 PENGENALAN

PEMBINAAN PUSAT DIALISIS PUNCAK PERDANA



Penubuhan pusat dialisis ini adalah bertujuan untuk membantu dan memberi rawatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang khususnya di kawasan Puncak Perdana dan di sekitar Shah Alam secara amnya.

Pembinaan pusat dialisis yang baharu ini akan menambah lagi kapasiti dalam menyantuni dan memberikan rawatan kepada lebih ramai pesakit buah pinggang serta menerima rawatan yang terbaik, mesra pelanggan dan berkualiti.

Melalui keputusan Mesyuarat ALPA Bil. 1/2023, telah bersetuju cadangan kerjasama strategik bagi membangunkan pusat dialisis baru di Masjid Ar-Raudhah, Puncak Perdana dengan Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

Pihak LZS turut memberikan modal awalan untuk pembangunan projek ini demi membantu asnaf di bawah tajaan LZS manakala Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) juga telah memperuntukkan dana melalui Wakaf Selangor Muamalat. Untuk permulaan pengoperasian, Jumlah mesin dialisis adalah sebanyak 6 unit, yang boleh menampung seramai 36 orang pesakit yang akan menjalani rawatan hemodialisis sebulan. Kapasiti mesin boleh ditambah sehingga 12 unit mengikut jumlah pertambahan pesakit akan datang. Pembangunan pusat dialisis ini dijangka siap sepenuhnya pada April 2026 dan beroperasi sepenuhnya pada Oktober 2026. Kos keseluruhan pembangunan projek ini adalah berjumlah RM4.1 juta, baki dana yang diperlukan adalah sebanyak RM642,000.

Anggaran Kos Projek

RM4.1 Juta

Tarikh Jangkaan Siap:
Oktober 2026

Dana
Diperolehi

RM3.4 Juta

Baki yang
diperlukan

RM642 Ribu

Kemaskini sehingga 30 September 2025



2.2 RINGKASAN KEMAJUAN PROJEK

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Kos Pembangunan	RM 3,405,000.00
2.	Kos Mesin & Kelengkapan Hemodialisis	RM 695,000.00
	Jumlah Keseluruhan Kos Pembangunan	RM 4,100,000.00
	Jumlah Kutipan Dana Semasa	RM 3,458,000.00
	Jumlah Perbelanjaan Semasa (Perundingan + Kontraktor)	RM 517,044.00

Baki Dana yang diperlukan untuk **KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN**

RM 642,000.00

Kemaskini sehingga 30 September 2025

2.3 PROGRES PEMBINAAN PUSAT DIALISIS LZS-YIDE MASJID AR- RAUDHAH PUNCAK PERDANA

Setakat 30 September 2025

LOKASI PUSAT DIALISIS LZS-YIDE MASJID AR-RAUDHAH PUNCAK PERDANA

Seksyen U10 Puncak Perdana
40170 Shah Alam, Selangor



Kemaskini: 30 September 2025

Projek pembinaan Pusat Dialisis LZS-YIDE di Masjid Ar-Raudhah, Puncak Perdana kini telah mencapai tahap **30%** siap. Kerja-kerja struktur utama sedang dijalankan dan dipantau secara berterusan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Jumlah kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM4.1 juta, dengan baki dana berjumlah RM642,000 masih diperlukan bagi menampung kos pembinaan dan penyediaan kelengkapan pusat dialisis tersebut.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) amat mengalu-alukan sumbangan dan sokongan daripada semua pihak bagi memastikan projek ini dapat disiapkan sepenuhnya demi menyediakan kemudahan rawatan dialisis kepada masyarakat yang memerlukan.

3.0

LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN

3.1 ANAK YATIM

3.1.1 Statistik Anak Yatim YIDE

3.1.2 Aktiviti & Sumbangan

Kepada Anak Yatim

3.1.3 Bulan Anak Yatim



3.1 ANAK YATIM


3.1.1 STATISTIK ANAK YATIM SELIAAN YIDE

JUMLAH KESELURUHAN

12,380


BILANGAN KELUARGA ANAK YATIM

6,941



Anak Yatim Lelaki

6,402



Anak Yatim Perempuan

5,978



Jumlah Rumah Kebajikan Anak Yatim Berdaftar

35

Kemaskini sehingga 30 September 2025

3.1 ANAK YATIM

3.1.1 STATISTIK ANAK YATIM SELIAAN YIDE



TASKA & TADIKA
(1 HARI - 6 TAHUN)

1,611 ORANG
ANAK YATIM

SEKOLAH RENDAH
(7 TAHUN - 12 TAHUN)

5,970 ORANG
ANAK YATIM



SEKOLAH MENENGAH
(13 TAHUN - 15 TAHUN)

4,799 ORANG
ANAK YATIM



Kemaskini sehingga 30 September 2025

3.1 ANAK YATIM

3.1.2 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

YIDE TERIMA PENGHARGAAN DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT SEBAGAI RAKAN STRATEGIK JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

BANGI, 1 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melakar satu lagi kejayaan apabila menerima Sijil Penghargaan Rakan Strategik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam Majlis Apresiasi Rakan Strategik JKM Tahun 2025 yang berlangsung pada 1 Julai 2025 di Bangi Resort Hotel.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noriani binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat mewakili YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Bagi pihak YIDE, Encik Nur Mohd Razali, Pengurus Besar YIDE, hadir menerima penghargaan tersebut sebagai pengiktirafan atas komitmen dan kerjasama erat YIDE bersama JKM dalam memperkasa agenda kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.



YIDE HULURKAN SUMBANGAN KEPADA WARIS ANAK YATIM DI KOTA WARISAN, SEPANG

SEPANG, 3 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menzahirkan keprihatinan dengan mengadakan ziarah dan menyampaikan sumbangan musibah kematian kepada waris keluarga anak yatim di Kota Warisan, Sepang, susulan pemergian almarhum Adam Basheer bin Amran.

Almarhum merupakan bekas penghuni Rumah Anak Yatim Wardatul Jannah, salah sebuah rumah kebajikan yang berdaftar di bawah YIDE. Beliau di tempatkan di rumah kebajikan tersebut setelah kematian ibu dan bapa. Kini beliau pula telah mengiringi ibu bapa beliau setelah menghembuskan nafas terakhir selepas mengalami kecederaan parah (severe traumatic brain injury) semasa menyertai kejohanan seni mempertahankan diri peringkat kebangsaan mewakili negeri Selangor.

Pemergian almarhum sangat dirasai oleh kakak sulungnya, Puan Arina, yang kini bertanggungjawab menjaga empat orang adik yang lain selepas kehilangan tiga (3) insan tersayang iaitu ibu, bapa dan adik tercinta. Ketabahan dan pengorbanan beliau amat dikagumi.

YIDE ANJUR PROGRAM CELIK FALAK & ASTRONOMI ISLAM UNTUK ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR

MELAKA, 19 JULAI 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Masjid Asy-Syarif, Meru dan Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka telah menganjurkan Program Celik Falak dan Astronomi Islam khusus untuk anak-anak yatim dari Negeri Selangor.

Program ini telah melibatkan seramai 40 orang anak yatim dari daerah Klang, dengan objektif utama untuk memberikan pendedahan awal berkaitan ilmu falak dan astronomi Islam. Selain memupuk minat terhadap sains angkasa, peserta turut diberikan pemahaman mendalam mengenai hubungan antara ilmu falak dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim, seperti penentuan arah kiblat, waktu solat, dan penetapan kalender hijri.

Pelbagai aktiviti interaktif telah dijalankan sepanjang program, antaranya eksplorasi minda menggunakan kompas, aktiviti cerapan matahari dan bintang, serta lawatan edukatif ke Galeri Falak. Semua aktiviti ini direka untuk menggabungkan elemen pembelajaran dan keseronokan bagi memberi pengalaman bermakna kepada peserta.



3.1 ANAK YATIM

3.1.2 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) & PAKSI TRAINING CONSULTANCY ANJUR KEM BINA LEGASI INSANI



BANTING, 8-9 Ogos 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Paksi Training Consultancy telah menganjurkan Kem Bina Legasi Insani yang melibatkan seramai 40 orang anak yatim dari Daerah Sepang bertempat di Kem Baitunnur, Banting.

Program ini dirancang khas bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga keselamatan dan kehormatan diri, memberi pendedahan mengenai cabaran akil baligh serta kepentingan menjaga ruang peribadi berlandaskan nilai Islam, menyemai rasa tanggungjawab melindungi orang lain melalui adab pergaulan, mencegah gejala sosial seperti pergaulan bebas dan seks bebas, serta membina visi hidup remaja Rabbani yang sihat dan seimbang.

Sepanjang dua hari program, peserta didedahkan dengan pelbagai pengisian bermanfaat antaranya perbincangan isu semasa seperti “Statistik Kerosakan Akhlak, Seks Bebas dan HIV” dalam kalangan remaja, penerangan mengenai “Perkembangan Seksual dan Pengurusan Fitrah Naluri”, serta penekanan terhadap nilai malu dan menjaga pandangan sebagai benteng diri seorang Muslim. Perkongsian ini diperkukuhkan lagi melalui sesi interaktif bersama fasilitator yang membolehkan peserta memahami dan menghayati setiap topik yang dibentangkan.

YIDE PERIHATIN : BAYI SATU BULAN KEHILANGAN AYAH

SHAH ALAM, 18 Ogos 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni dan menghulurkan sumbangan kepada sebuah keluarga anak-anak yatim di Jalan Kebun, Shah Alam.

Puan Nursyazrien, seorang suri rumah dan ibu kepada tiga cahaya mata yang masih kecil berusia 6 tahun, 3 tahun dan 1 bulan, kehilangan suami tercinta, Allahyarham En. Mohammad Fauzi pada 7 Ogos 2025. Menurut beliau, arwah suaminya mengalami batuk dan sakit perut sebelum waktu subuh sebelum rebah secara tiba-tiba. Walaupun segera dibawa ke hospital oleh adik ipar, Allahyarham menghembuskan nafas terakhir dalam perjalanan.

Bagi meringankan beban yang ditanggung, sumbangan kebajikan telah disampaikan oleh En. Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Kebajikan YIDE, kepada Puan Nursyazrien.



SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN KEBAJIKAN & PERLINDUNGAN RUMAH JALIN KASIH OLEH YIDE

CHERAS, 25 September - YIDE terus komited dalam memperkasa kebajikan anak yatim khususnya yang berdaftar di bawah YIDE yang memerlukan. YIDE telah menyerahkan sumbangan tunai dan simbolik mock-up cek berjumlah RM10,000.00 kepada Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Rumah Jalin Kasih di Cheras.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pegurus Operasi Bahagian Kebajikan, Encik Muhammad Zubair bin Azizan, kepada wakil pertubuhan berkenaan sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap usaha mereka menjaga kebajikan golongan yang memerlukan.

YIDE berharap agar bantuan ini dapat membantu memperkukuh peranan Rumah Jalin Kasih dalam menyediakan perlindungan serta bimbingan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Dalam masa yang sama, YIDE menyeru orang ramai untuk terus menyokong aktiviti kebajikan melalui infaq dan sedekah, kerana setiap sumbangan mampu membawa harapan serta memberi makna besar buat penerimanya.

3.1 ANAK YATIM

3.1.3 BULAN ANAK YATIM 2025

KEMPEN BULAN ANAK YATIM: YIDE MULAI DENGAN ZIARAH MAHABBAH ANAK YATIM DI SHAH ALAM

Shah Alam, 26 Ogos - Sempena Kempen Bulan Anak Yatim, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah berkunjung bagi menyantuni Puan Norhasliza, seorang ibu tabah yang membesarkan lima orang anak yatim bagi menyara kehidupan keluarganya. Beliau kini menjalankan perniagaan kecil-kecilan dengan membuka gerai nasi lemak berhampiran Masjid Seksyen 7, Shah Alam termasuk menyediakan khidmat katering mengikut permintaan.

Pemergian arwah suami beliau pada pertengahan 2024 meninggalkan 5 orang anak yang masih hersekolah. Kini tanggungjawab menyara keluarga diatas bahu beliau disamping mencukupkan keperluan harian keluarga.

Dalam kunjungan tersebut, YIDE telah menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan harian dan wang tunai sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap keluarga tersebut. YIDE turut membeli semua juadah yang dijual lalu mengedarkan kepada orang ramai bagi tujuan promosi dan menggalakan orang ramai memberi sokongan selepas ini dengan membeli juadah yang di jual.

YIDE turut mengajak masyarakat agar terus mengamalkan budaya infaq dan sedekah, kerana setiap sumbangan yang diberi mampu menjadi sumber kekuatan dan harapan buat mereka yang memerlukan.



KESURYA 2025 - YIDE | SUKAN, SEMANGAT & UKHUWAH ANAK YATIM DI NEGERI SELANGOR



Kuala Selangor, 30 Ogos 2025 - Lebih 600 anak yatim daripada 35 buah Rumah Kebajikan Anak Yatim di bawah naungan YIDE telah berhimpun dalam Kejohanan Sukan Rumah Kebajikan Anak Yatim Negeri Selangor (KESURYA) 2025

Sepanjang kejohanan yang berlangsung, para hadirin telah menyaksikan pelbagai acara sukan iaitu 48 acara balapan dan 32 acara padang dengan penuh semangat kesukanan, daya juang dan ukhuwah antara anak-anak yatim Negeri Selangor yang berlangsung di Stadium Utama, Kompleks Sukan Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Kejohanan ini bukan sahaja mencungkil bakat dan potensi, malah turut mengasah daya saing, memperkukuh kerjasama serta menanam ketahanan mental & fizikal - nilai penting dalam pembentukan sahsiah generasi akan datang.

KESURYA 2025 juga merupakan salah satu pengisian utama Bulan Anak Yatim YIDE 1447H/2025, yang berlangsung dari 25 Ogos hingga 24 September 2025, dengan pelbagai program kebajikan, pendidikan, kerohanian dan pembangunan sahsiah.

Dalam majlis penuh bermakna ini, Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut tampil menyokong dengan sumbangan berjumlah RM996,000 kepada 35 buah Rumah Kebajikan Anak Yatim yang bernaung di bawah YIDE. Sumbangan ini melambangkan komitmen LZS dalam memastikan kelangsungan kebajikan, pendidikan, dan pembangunan sahsiah anak-anak yatim.

Majlis penutup kejohanan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mazlan bin Mansor, Pengerusi YIDE merangkap Timbalan Pengerusi MAIS, yang turut menyempurnakan penutupan rasmi KESURYA 2025 serta merasmikan pelancaran Bulan Anak Yatim YIDE Tahun 2025.

3.1 ANAK YATIM

3.1.3 BULAN ANAK YATIM 2025

PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR 1447H/2025



Shah Alam, 5 September 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong telah menganjurkan Program Sambutan Maulidur Rasul Anak-Anak Yatim Negeri Selangor 1447H/2025 yang menghimpunkan hampir 500 anak-anak yatim daripada 23 Rumah Kebajikan di bawah naungan YIDE.

Program dimulakan dengan Majlis Selawat Bersama Anak-Anak Yatim yang disusuli dengan tausiyah oleh Al Fadhil Ustaz Syed Abdul Kadir Al Joofre. Sesi ini menyuntik roh kecintaan kepada Rasulullah SAW serta memberikan motivasi mendalam kepada anak-anak yatim agar terus kuat melangkah dalam kehidupan.

Turut hadir memeriahkan majlis:

- YBr. Tuan Haji Mohd Salim bin Mohd Sain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE
- YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE
- Al Fadhil Ustaz Abas bin Muhammad Yusof, Pengurus Masjid Tengku Ampuan Jemaah
- Barisan pengurusan YIDE & Masjid Tengku Ampuan Jemaah
- Wakil-wakil pengurusan Rumah Kebajikan Anak Yatim Negeri Selangor

Pengisian diteruskan dengan Malam Bina Iman dan Taqwa (MABIT) dan acara kemuncak iaitu Perarakan Sambutan Maulidur Rasul 1447H pada keesokan harinya.

Menutup program, diadakan sesi bersalaman bersama anak-anak yatim sebagai tanda kasih sayang, perhatian dan penghargaan kepada mereka. Saat penuh syahdu ini menggambarkan betapa pentingnya sokongan masyarakat dalam membina keyakinan serta masa depan mereka.

Kempen Bulan Anak Yatim YIDE 1447H terus melakar sejarah dengan pelbagai pengisian ilmiah, rohani dan kebajikan demi membina generasi anak-anak yatim yang cemerlang di Negeri Selangor.

PROGRAM PERARAKAN SEMPENA MAULIDUR RASUL 1447H BERSAMA ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR

Shah Alam, 5 September - Kesenambungan daripada Majlis Berselawat Bersama Anak Yatim YIDE yang telah diadakan pada 5 September 2025 di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, program perarakan ini membawa semangat kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Hampir 500 anak yatim daripada 23 buah Rumah Kebajikan Anak Yatim di bawah naungan YIDE menyertai perarakan ini, berganding bahu bersama dalam menghidupkan syiar Islam serta menzahirkan rasa cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah pasukan terbaik perarakan yang disempurnakan oleh YBr. Tuan Haji Mohd Salim bin Mohamed Sain:

- Johan – Rumah Kasih Harmoni
- Naib Johan – Asrama Kasih Yayasan Basmi Kemiskinan Serendah
- Tempat Ketiga – Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash Shakur (PEKEAS)

Selain itu, majlis juga menyaksikan penyerahan cek cura Agihan Fidyah untuk Belanja Wang Saku Anak-Anak Yatim dengan jumlah peruntukan sebanyak RM500,000, diserahkan oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah kepada Puan Halimaton Saadiah binti Mohd Nawawi, wakil Asrama Kasih Yayasan Basmi Kemiskinan, bagi pihak Rumah-Rumah Kebajikan Anak Yatim yang lain.



3.1 ANAK YATIM

3.1.3 BULAN ANAK YATIM 2025

YIDE ANJUR PROGRAM MOTIVASI “ANAK YATIM, ANAK HEBAT” SEMPENA BULAN ANAK YATIM

Pelabuhan Klang, 9 September 2025 (Selasa) – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Indah telah menganjurkan program motivasi bertajuk “Anak Yatim, Anak Hebat” yang berlangsung di Surau sekolah berkenaan.


Program ini diadakan bagi memberi dorongan, suntikan semangat serta membina jati diri anak-anak yatim agar lebih berkeyakinan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Fahimi Indra, penceramah jemputan yang berpengalaman dalam bidang motivasi dan pembangunan sahsiah pelajar. Turut hadir dalam program tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Indah, Tuan Mohd Rizal bin Mohd Safaad, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Puan Azlinda, barisan guru serta para pelajar yang turut serta.

Selain ceramah motivasi, pihak YIDE turut berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim yang hadir sebagai tanda keprihatinan dan sokongan terhadap kebajikan mereka.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) ANJUR PROGRAM KEMBARA ILMU ANAK YATIM BERSEMPENA BULAN ANAK YATIM



SHAH ALAM, 18 September – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menganjurkan Program Kembara Ilmu Anak Yatim ke Yayasan Restu dan Muzium Sultan Alam Shah, melibatkan seramai 40 orang anak yatim dari sekitar daerah Petaling.

Program ini bertujuan mengisi masa cuti persekolahan anak-anak yatim dengan aktiviti bermanfaat, di samping menambah ilmu pengetahuan dari aspek rohani dan jasmani.

Di Yayasan Restu, anak-anak yatim berpeluang mempelajari sirah nabawiyah melalui aktiviti Rehlah Nabawiyah yang menceritakan perjalanan hidup Rasulullah SAW sejak kelahiran, perjuangan dakwah, sehinggalah kewafatan baginda. Pengisian disampaikan secara interaktif melalui perkongsian tour guide, tayangan video serta pameran replika artifak Rasulullah SAW.

Di Muzium Sultan Alam Shah, mereka pula menelusuri sejarah Kesultanan Selangor dan kehidupan masyarakat terdahulu dari aspek ekonomi, perdagangan dan penggunaan mata wang. Anak-anak juga menghayati nilai sejarah perjuangan kemerdekaan tanah air melalui pameran dokumen serta bahan bersejarah.

Pengisian ini bukan sahaja mendekatkan anak-anak yatim dengan sirah Nabi Muhammad SAW, malah turut menanam rasa cinta kepada negara melalui pendedahan terhadap sejarah perjuangan bangsa dan institusi kesultanan.

Semoga Program Kembara Ilmu ini menjadi pengalaman berharga buat anak-anak yatim serta memberi manfaat dalam membina jati diri mereka pada masa hadapan.

3.1 ANAK YATIM

3.1.3 BULAN ANAK YATIM 2025

KURSUS SEMBELIHAN & JAMUAN MAHABBAH BERSAMA ANAK YATIM YIDE

Kuala Langat, 19 September - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menganjurkan Program Kursus Sembelihan & Jamuan Mahabbah Anak Yatim sebagai salah satu inisiatif kebajikan sempena bulan memperingati perjuangan Rasulullah SAW serta memperkukuh silaturahim bersama anak-anak yatim bertempat di Pertubuhan Rumah Anak Yatim Miskin Daerah Kuala Langat (Rumah Penyayang Bestari).

Program ini bertujuan memberi pendedahan secara teori dan praktikal mengenai tatacara sembelihan yang sah menurut syarak, di samping menyantuni anak-anak yatim dengan penuh kasih sayang dan prihatin.

Antara pengisian utama:

Kursus Sembelihan (teori & praktikal)

Aktiviti BBQ bersama anak-anak yatim

Jamuan Mahabbah

Pemberian Sumbangan kepada peserta kursus Sembelihan & Jamuan Anak Yatim

Perkongsian nilai ihsan dan kasih sayang

YIDE juga telah menyerahkan simbolik Sumbangan Kewangan (Geran) Rumah Kebajikan Anak Yatim Negeri Selangor kepada Pertubuhan Rumah Anak Yatim Miskin Daerah Kuala Langat (Rumah Penyayang Bestari) berjumlah RM 35,000.00



MAJLIS SUMBANGAN SISWA ANAK YATIM KE UNIVERSITI 2025



SHAH ALAM, 27 September - Alhamdulillah, Majlis Sumbangan Siswa Anak Yatim Ke Universiti anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah berlangsung dengan penuh bermakna. Ini merupakan edisi ketiga sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2023.

Tahun ini, seramai 40 orang pelajar anak yatim yang akan melangkah ke menara gading telah menerima sumbangan sebanyak RM500 seorang - sebagai suntikan semangat dan sokongan dalam permulaan perjalanan akademik mereka.

Majlis telah disempurnakan oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, yang turut menyampaikan amanat dan harapan buat para pelajar.

Turut memeriahkan majlis, Dr. Abdul Hadi Bin Samsi telah menyampaikan sesi taklimat motivasi yang cukup menyentuh hati dan membakar semangat, khusus buat anak-anak yatim yang hadir. Pesanan beliau agar terus tabah, berdikari dan menuntut ilmu dengan penuh keazaman jelas terpatat di wajah para pelajar yang terinspirasi.

Program ini mencerminkan komitmen YIDE dalam membela nasib anak-anak yatim bukan sahaja dari aspek kebajikan, malah dalam membina masa depan yang cerah melalui pendidikan.

Terima kasih kepada semua penyumbang dan mereka yang terus menyokong usaha murni ini. Semoga segala sumbangan dan usaha kita diberkati Allah SWT.

3.0

LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.1 Statistik Penerima Manfaat

3.2.2 Penerima Sumbangan

Musibah/Bencana



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.1 STATISTIK PENERIMA MANFAAT

561


KELUARGA

BILANGAN KELUARGA TELAH MENERIMA BANTUAN DARI YIDE

RM151,640

JUMLAH SUMBANGAN TELAH DIAGIHKAN

KEKERAPAN BANTUAN MENGIKUT DAERAH



Kemaskini sehingga 30 September 2025



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.1 STATISTIK PENERIMA MANFAAT



KEBAKARAN

BILANGAN BANTUAN : 36
BILANGAN KELUARGA : 36




BANJIR

BILANGAN BANTUAN : 9
BILANGAN KELUARGA : 201




RIBUT

BILANGAN BANTUAN : 6
BILANGAN KELUARGA : 33



KEMATIAN

BILANGAN BANTUAN : 6
BILANGAN KELUARGA : 6



TANAH RUNTUH

BILANGAN BANTUAN : 1
BILANGAN KELUARGA : 1



KHAS

BILANGAN BANTUAN : 1
BILANGAN KELUARGA : 284

Kemaskini sehingga 30 September 2025

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) BANTU MANGSA KEBAKARAN DI AMPANG

AMPANG | 8 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran, Encik Mohd Rizal bin Rahim selaku mangsa kebakaran di Kampung Lembah Jaya Selatan, Ampang.

Menurut Encik Rizal, insiden kebakaran berlaku sekitar jam 6.00 petang ketika beliau berada di luar kawasan atas urusan peribadi. Beliau hanya dimaklumkan mengenai kejadian oleh jiran tetangga. Kediaman beliau musnah sepenuhnya termasuk semua kelengkapan dan dokumen penting keluarga namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Beliau bersama ahli keluarga ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Orang Ramai Kampung Lembah Jaya Selatan.

Sebagai tanda keprihatinan dan solidariti atas ujian yang menimpa keluarga tersebut, YIDE melalui wakil setempat, Encik Nor Akmal bin Nordin selaku Penghulu Kampung Lembah Jaya Selatan, telah menyerahkan sumbangan musibah kebakaran kepada Encik Rizal bagi meringankan beban yang ditanggung.




YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SEGERA HULUR SUMBANGAN KEPADA SMAP KAJANG AKIBAT KEBAKARAN

KAJANG, 11 Julai 2025 - Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK) telah diuji dengan satu insiden kebakaran yang berlaku pada awal pagi di bangunan pentadbiran sekolah.

Kejadian dilaporkan berlaku sekitar jam 1.05 pagi oleh dua orang murid, Ilman dan Hadi, yang melihat api dari Blok Asrama Lelaki kepada warden bertugas, Warden bersama beberapa murid segera berusaha memadamkan kebakaran menggunakan alat pemadam api, namun api semakin marak dan segera melaporkan kepada bomba.

Pasukan Bomba dan Penyelamat tiba pada jam 1.27 pagi dan berjaya mengawal kebakaran sepenuhnya pada jam 1.58 pagi. Antara ruang yang terjejas melibatkan Bilik Pengetua, pejabat pentadbiran, bilik guru kanan, bilik mesyuarat, surau staf perempuan, stor pejabat, dan ruang rehat. Turut musnah dalam kebakaran adalah dokumen rasmi sekolah seperti fail pengurusan dan baucer bayaran kewangan serta akaun tahun 2024 dan 2025. Tiada kecederaan dilaporkan dalam insiden ini. Anggaran kerugian masih dalam siasatan pihak sekolah.

Pihak pengurusan SMAPK menzahirkan rasa syukur kerana tiada kehilangan jiwa berlaku, serta merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang pantas bertindak dan membantu mengawal keadaan. Semoga warga SMAPK terus diberi kekuatan dalam menghadapi ujian ini.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI MANGSA KEBAKARAN RUMAH, KAMPUNG MELAYU SUBANG

SUBANG, 16 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni Encik Muhammad bin Nordin selaku mangsa kebakaran melibatkan dua buah rumah di sini.

Kebakaran yang berlaku sekitar jam 2.30 pagi itu dipercayai berpunca daripada tindakan seorang jiran yang membakar sesuatu di halaman rumahnya. Kebakaran berlaku dengan cepat sehingga merebak dan memusnahkan dua buah rumah bersebelahan. Mangsa kini menumpang bersama ahli keluarga yang lain dan merancang menyewa di rumah sekitar.

Sebagai tanda keprihatinan, YIDE telah menghulurkan sumbangan berupa pek prihatin dan bantuan kewangan kepada kedua-dua keluarga. Sumbangan telah diserahkan oleh Encik Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah, Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE, disaksikan Encik Izhar bin Arshad, Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Melayu Subang.



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI MANGSA KEBAKARAN DI GOMBAK

GOMBAK, 21 Julai 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni Puan Rosalia Huda binti Mohd Isa, selaku mangsa insiden kebakaran di sini. Kebakaran tersebut telah memusnahkan keseluruhan rumahnya beliau di Kampung Kerdas 3, Gombak.

Kejadian kebakaran yang berlaku sekitar jam 12.00 tengah hari disedari oleh mangsa yang berada di dalam rumah turut ketika kejadian. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa bagi mengenal pasti punca kejadian.

Sebagai tanda keprihatinan, YIDE telah menghulurkan sumbangan berupa bantuan kewangan dan pek prihatin kepada keluarga Puan Rosalia Huda. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Encik Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan YIDE.

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) PRIHATIN KEBAJIKAN ANAK YATIM DI PANDAMARAN, KLANG

PANDAMARAN, 24 Julai 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menziarahi serta menyampaikan sumbangan kepada sebuah keluarga anak yatim di Pangsapuri Klang Villa, Pandamaran, Klang.

Puan Heni, isteri kepada Allahyarham Abd Rashid bin Talib dan ibu kepada lima orang anak, merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Beliau kini berdepan cabaran besar dalam meneruskan kelangsungan hidup bersama anak-anak sejak pemergian suaminya pada bulan Mei yang lalu. Namun begitu, beliau tetap bersyukur kerana sentiasa menerima bantuan dan sokongan moral daripada ahli keluarga yang mendorongnya untuk terus tabah demi kesejahteraan anak-anak. Kesemua anak-anak beliau masih bersekolah; anak sulung, Rasyiqah kini di peringkat sekolah menengah, manakala Rizqi, Raziq dan Sofia masih di sekolah rendah.

Sumbangan telah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Haizan, Eksekutif Kebajikan YIDE, sebagai inisiatif untuk meringankan beban serta membantu urusan harian keluarga tersebut, khususnya dalam penjagaan dan pendidikan anak-anak.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI MANGSA KEBAKARAN DI SHAH ALAM

SHAH ALAM, 28 Julai 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni Tuan Haji Ibrahim, mangsa insiden kebakaran yang berlaku di Seksyen 19, Shah Alam.

Kebakaran yang berlaku sekitar jam 11.50 pagi itu disedari oleh mangsa yang ketika itu berada di bahagian dapur. Insiden tersebut menyebabkan satu bilik di bahagian belakang dan dapur kediaman terbakar, mengakibatkan banyak barangan peribadi serta peralatan elektronik musnah. Siasatan awal mendapati punca kebakaran adalah disebabkan oleh litar pintas di bilik belakang.

Sebagai tanda keprihatinan, YIDE telah menghulurkan sumbangan berbentuk bantuan kewangan dan pek prihatin kepada keluarga Tuan Haji Ibrahim. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE, Encik Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah.

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SEGERA HULUR SUMBANGAN KEPADA SMA MUHAMMADIAH PEKAN SABAK, SELANGOR

Sabak Bernam, 30 Julai 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), dengan kerjasama Pejabat Penyelaras DUN Sabak Bernam telah bertindak segera menyantuni Sekolah Menengah Agama (SMA) Muhammadiyah, Pekan Sabak Bernam yang terjejas akibat insiden kebakaran disebabkan panahan petir.

Insiden tersebut telah mengakibatkan kerosakan serius pada bahagian bumbung dan menjadikan aras atas asrama tidak lagi selamat untuk digunakan.

Sebagai tanda solidariti dan keprihatinan terhadap musibah yang menimpa, YIDE telah menyampaikan sumbangan kepada pihak sekolah melalui kerjasama Pejabat Penyelaras Dun Sabak Bernam, Tuan Samad Hashim. Sumbangan tersebut telah diterima oleh wakil sekolah, Mohd Azhar bin Abd Rahman, selaku wakil rasmi SAM Muhammadiyah, Pekan Sabak.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) HULUR SUMBANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI GOMBAK

Gombak, 4 Ogos 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah segera menyantuni empat keluarga di Kampung Changkat Damai, Gombak yang terjejas akibat insiden kebakaran. Punca kejadian masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Insiden kebakaran tersebut telah mengakibatkan kerosakan serius pada beberapa buah rumah, termasuk perabot utama, peralatan elektrik serta kebanyakan barangan peribadi yang turut musnah.

Sebagai tanda solidariti dan keprihatinan, YIDE melalui Ketua Sahabat Prihatin YIDE (K-SPY) Ust Aznil merangkap Pengurus Masjid As-Syakirin telah menyampaikan sumbangan kewangan kepada 4 ketua keluarga tersebut iaitu Encik Muhd Noor, Puan Rasidah, Encik Ahmad Nazri serta Encik Mohammad Amin.

YIDE mendoakan agar seluruh keluarga yang terkesan dipermudahkan segala urusan serta terus diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) HULUR SUMBANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI KUALA KUBU BARU

Kuala Kubu Baru, 15 Ogos 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah tampil menzahirkan keprihatinan dengan menyantuni Encik Saiful Arifin, penduduk Felda Sungai Tenggi, Kuala Kubu Baru yang terjejas akibat insiden kebakaran semalam. Punca kejadian masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Kebakaran tersebut telah menyebabkan kerosakan teruk pada kediaman mangsa, dengan keseluruhan barangan di dalam rumah musnah dijilat api.

Sebagai tanda solidariti dan sokongan, YIDE melalui Sahabat Prihatin YIDE (SPY) Tuan Hj Ahmad Hamzah selaku Nazir Masjid Sungai Tenggi telah menyampaikan sumbangan kewangan kepada Encik Saiful bagi meringankan beban yang ditanggung.



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) TURUN PADANG LAKUKAN TINJAUAN AWAL MANGSA RIBUT DI KLANG

Meru, 26 Ogos 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah segera turun padang bagi melakukan tinjauan awal serta ziarah prihatin kepada mangsa-mangsa ribut yang terjejas di sekitar daerah Klang.

Turut bersama dalam lawatan tersebut ialah YB Puan Mariam binti Abdul Rashid, ADUN Meru, wakil Majlis Bandaraya Klang, pasukan penguat kuasa, Penghulu Bukit Raja, Klang, Ketua Kampung Meru serta pihak Lembaga Zakat Selangor.

Antara lokasi yang dikenal pasti terjejas termasuk Jalan Meru 4, Jalan Jambu dan Jalan Paip. Lawatan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kerosakan serta keperluan mendesak mangsa sebelum bantuan susulan disalurkan.

YIDE mendoakan agar semua mangsa yang terkesan diberikan kekuatan, ketabahan serta dipermudahkan segala urusan dalam menghadapi ujian ini.

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI MANGSA KEBAKARAN DAN RIBUT DI PULAU INDAH, KLANG

Pulai Indah, Pelabuhan Klang, 22 September 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited membantu masyarakat yang ditimpa musibah dengan menyantuni dua buah rumah yang terjejas akibat bencana baru-baru ini.

Mangsa pertama ialah Puan Noraine, isteri kepada En. Redzuan, yang mengalami kerugian apabila sebahagian rumahnya rosak dalam insiden kebakaran pada 18 September 2025. Rumah berkenaan masih boleh didiami, justeru beliau tidak berpindah ke penempatan sementara.

Mangsa kedua ialah Puan Nur Aisyah, yang kediamannya mengalami kerosakan pada bahagian bumbung selepas dilanda ribut pada 16 September 2025. Rumah beliau juga masih boleh diduduki walaupun memerlukan baik pulih.

Sebagai tanda keprihatinan, YIDE segera turun padang pada 22 September 2025 bagi menyampaikan sumbangan kewangan dan Pek Prihatin YIDE kepada kedua-dua keluarga bagi meringankan beban yang ditanggung.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) MENGHULURKAN SUMBANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI GOMBAK

Gombak, 24 September - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menzahirkan keprihatinan terhadap 3 mangsa kebakaran di Gombak. Mangsa En. Abdul Rahman, En. Asraf dan En. Fauzi yang terkesan dalam kejadian pada 15 September lalu kini tinggal bersama saudara mara. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Sumbangan bagi pihak YIDE telah disampaikan oleh Pengerusi Surau Darul Hidayah, En. Jahidin, dengan kerjasama Ustaz Roshisham, Setiausaha Masjid Al-Khairiyah merangkap Ketua Sahabat Prihatin YIDE (K-SPY). Turut hadir ialah wakil AJK Masjid serta Pengerusi JMB kawasan kediaman mangsa.

Semoga sedikit bantuan ini mampu meringankan beban yang ditanggung. YIDE turut mendoakan agar semua yang terjejas dikurniakan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini.

4.0

LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.1 Siaran Langsung YIDE Di
TV3 & TV Al-Hijrah

4.2 Aktiviti Dakwah YIDE

4.3 Jalinan Strategik & Aktiviti
Umum



4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.1 SIARAN LANGSUNG YIDE DI TV3 & TV AL-HIJRAH



PANEL-PANEL SAHABAT DAKWAH YIDE

UST NABIL AHMAD | UST HANAFIAH | PU HAFIZ | IMAM MUDA HASSAN | | UST SHAMSUL HAKIM | USTAZAH DR. FATIMAH SYARHA



Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melangkah ke hadapan dalam memperluas dakwah dan advokasi kebajikan menerusi siaran langsung di TV3 dan TV AlHijrah, hasil kerjasama strategik bersama Al Bayan Global. Turut menjayakan inisiatif ini adalah barisan panel terkemuka merangkap Sahabat Dakwah seperti PU Hafiz Haneefa, Imam Muda Hassan Adli Yahya, dan Ustazah Dr. Fatimah Syarha. Usaha ini bukan sahaja menyampaikan pengisian ilmu yang bermanfaat, malah memperkenalkan peranan YIDE dalam memperjuangkan kebajikan anak yatim serta golongan memerlukan di Selangor, terutama dalam usaha membangunkan Kompleks Anak Yatim YIDE di Pulau Indah.

Sot siaran langsung yang telah dijalankan sepanjang Julai hingga September 2025 adalah:

TARIKH	PANEL	TAJUK	PLATFORM
5/7/25	Ustazah Fatimah	Pelihara Solat	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
6/7/25	PU Hafiz	Refleksi Hari Asyura	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
7/7/25	Ustaz Hanafiah	Munajat PadaMu	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
12/7/25	Ustazah Fatimah	Pesan Pada Lelaki	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
13/7/25	PU Hafiz	Cinta Sesama Saudara	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
14/7/25	Ustaz Hanafiah	Kesedihan Bukan Selamanya	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
18/7/25	Ustazah Fatimah	Teruskan Berdoa	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
20/7/25	PU Hafiz	Iman dan Praktis	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
21/7/25	Ustaz Hanafiah	Hening di Pusara	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
26/7/25	Ustazah Fatimah	Ingatlah PadaNya	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah

TARIKH	PANEL	TAJUK	PLATFORM
27/7/25	Ust Nabil Ahmad	Etika Beremosi	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
28/7/25	Ustaz Hanafiah	Berani Tuntutan Agama	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
2/8/25	Ustazah Fatimah	Bantu Yang Dizalimi	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
4/8/25	Imam Muda Hassan	Akhlak Zahir Batin	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
9/8/25	Ustazah Fatimah	Jangan Pernah Menyerah	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
10/8/25	PU Hafiz	Takwa dan Damai Hati	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
11/8/25	Ustaz Hanafiah	Pembangunan Ummah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
16/8/25	Ustazah Fatimah	Sahabat Cerminan Diri	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
17/8/25	Ust Nabil Ahmad	Kenapa Kucing?	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
18/8/25	Imam Muda Hassan	Susah Sama Dibantu	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
23/8/25	Ustazah Fatimah	Waspada Terhadap Ujian	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
24/8/25	PU Hafiz	Jaga Hak Allah	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
25/8/25	Ustaz Hanafiah	Raja Segala Adab	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
30/8/25	Ustazah Fatimah	Doakan Yang Baik	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
1/9/25	Imam Muda Hassan	Andai Rasulullah Masih Ada	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
6/9/25	PU Hafiz	Tuntutan Bersifat Malu	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
6/9/25	Ustazah Fatimah	Pemfitnah Yang Muflis	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
7/9/25	Ust Nabil Ahmad	Cabaran Dalam Istiqomah	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
8/9/25	Imam Muda Hassan	Keseimbangan Hidup Hamba	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
13/9/25	Ustazah Fatimah	Berpagian Dengan Rezeki	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
14/9/25	Ust Nabil Ahmad	Amalan Asasi Ke Syurga	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
15/9/25	Imam Muda Hassan	Jiwa Lembut Rasulullah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
20/9/25	Ustazah Fatimah	Ketawa Mematikan Hati	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
21/9/25	Ustaz Shamsul Hakim	Neraca Tenang & Gelisah	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
22/9/25	Imam Muda Hassan	Prinsip Tarbiah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
27/9/25	Ustazah Fatimah	Segera Membayar Hutang	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
28/9/25	PU Hafiz	Sunah Di Akhir Zaman	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
29/9/25	Imam Muda Hassan	Utusan Buat Umat	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah

4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.2 AKTIVITI DAKWAH YIDE



EKSEKUTIF DAKWAH PEMASARAN YIDE DAN SAHABAT DAKWAH YIDE

USTAZ HASNOL | USTAZ ZABIDI | USTAZ AIZUDDIN | USTAZ FADHIL | USTAZ NORHAZIMIN



Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan YIDE dalam menjaga hal ehwal kebajikan anak yatim di negeri Selangor. Melalui saluran ini, YIDE bekerjasama dengan masjid-masjid dan surau-surau seluruh Selangor untuk menyampaikan kuliah atau tazkirah berkaitan anak yatim. Turut menjayakan inisiatif ini adalah Eksekutif Dakwah YIDE, Ustaz Zabidi Azhar dan Sahabat Dakwah YIDE Ustaz Fadhil Yahya. Usaha ini bukan sahaja menyampaikan pengisian ilmu yang bermanfaat, malah memperkenalkan peranan YIDE dalam memperjuangkan kebajikan anak yatim serta golongan memerlukan di Selangor, terutama dalam usaha membangunkan Kompleks Anak Yatim YIDE di Pulau Indah.

Sot kuliah dan tazkirah yang telah dijalankan sepanjang Julai hingga September 2025 adalah:

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Zabidi	Masjid As-Solihin	Tazkirah Jumaat	Hijrah Diri, Hijrah Hati	4/7/25
	Masjid Al-Falah	Tazkirah Jumaat		11/7/25
	Masjid Al-Barakah	Kuliah Maghrib		12/7/25
	Masjid At-Tayyibin	Kuliah Maghrib		22/7/25
Ustaz Norhazimin	Masjid Jamek Ar-Rahimah	Tazkirah Jumaat	Ihsan Anak Yatim	1/8/25
Ustaz Hasnol	Masjid Pekan Sepang	Tazkirah Jumaat		8/8/25
Ustaz Aizuddin	Masjid Masjid Al Awwabin	Kuliah Maghrib	Satu Jiwa Merdeka, Sejuta Harapan Anak Yatim	13/8/25
Ustaz Zabidi	Masjid Bukit Rahman Putra	Tazkirah Jumaat	Satu Amal, Sejuta Manfaat	15/8/25
	Masjid Jamiul Hasaniah	Tazkirah Jumaat		22/8/25
Ustaz Fadhil	Masjid Ar-Rahimah	Tazkirah Jumaat		22/8/25
Ustaz Zabidi	Masjid Jamek Cina Muslim	Kuliah Maghrib	Satu Jiwa Merdeka, Sejuta Harapan Anak Yatim	31/8/25

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Fadhil	Masjid Al-Khairiyah	Kuliah Maghrib	Kasih Anak Yatim, Bukti Cinta Rasul	3/9/25
Ustaz Mustafidurrohman	Masjid Jamiul Muhsinin	Kuliah Dhuha		10/9/25
Ustaz Norhazimin	Masjid As-Salam			
Ustaz Aizuddin	Masjid Saujana Utama			
Ust Zabidi	Surau PKNS			
	Masjid Subang Airport	Tazkirah Jumaat		12/9/25
Ustaz Hasnol	Masjid At-Taqwa	Kuliah Maghrib		19/9/25
			29/9/25	

4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



MAJLIS PEMUKIMAN KETUA SAHABAT PRIHATIN YIDE TAHUN 2025

Shah Alam | 19 Julai - YIDE telah mengadakan Majlis Pemukiman Ketua Sahabat Prihatin YIDE (K-SPY) Tahun 2025, sebagai tanda penghargaan atas sokongan berterusan dan semangat kebersamaan dalam menyantuni anak-anak yatim di Selangor — khususnya melalui kejayaan kutipan infaq sepanjang Ramadan 1446H.

Majlis ini turut menjadi medan perkongsian idea dan pandangan bagi penambahbaikan inisiatif kutipan infaq masa hadapan termasuklah taklimat pemerksaan aplikasi Kupon Digital Infaq Yatim YIDE yang telah dimulakan sejak bulan Mac 2025.

Selain itu sesi Penganugerahan kepada Ketua Sahabat Prihatin YIDE (K-SPY) yang cemerlang dan Pelantikan Sahabat Prihatin YIDE (SDY) baharu bagi memperluas jaringan dakwah dan kefungsiian YIDE melalui platform tazkirah di institusi masjid/surau seluruh negeri Selangor turut berlangsung.



JELAJAH PBT 2025: KEBERSAMAAN & KEPRIHATINAN ANAK-ANAK YATIM YIDE DI MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Shah Alam | 24 Julai - Yayasan Islam Darul Darul Ehsan telah mengadakan siri ketiga perkongsian dan taklimat mengenai 'Kebersamaan & Keprihatinan Terhadap Anak-Anak Yatim Di Negeri Selangor' bersama warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam hari ini.

Taklimat yang disampaikan oleh Saudara Mohd Akmal Hafsyam, Pengurus Korporat YIDE menyentuh peranan YIDE dan kerbersamaan masyarakat untuk sama-sama mencakna kelangsungan kebajikan anak-anak yatim di Selangor khususnya untuk menyokong inisiatif-inisiatif YIDE untuk memastikan keperluan kebajikan, pembangunan sendiri dan pendidikan terus terbela melalui Skim Potongan Gaji secara bulanan.

Semoga program Jelajah PBT Selangor 2025 ini dapat memperkukuhkan jalinan sinergi yang berterusan demi harapan masa depan anak-anak yatim khususnya di negeri Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE PEJABAT PEGAWAI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Shah Alam, 28 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) yang diketuai oleh YBr. Tuan Haji Salim bin Mohamed Sain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE, bersama Pengurus Besar YIDE, YBr. En. Nur Mohd Razali bin Razali, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Dr. Haniff bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor.

Dalam pertemuan ini, YIDE telah berkongsi peranan dan tanggungjawabnya dalam menyantuni anak-anak yatim, menyokong pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di Pusat Dialisis MAIS serta membantu mangsa yang ditimpa musibah di seluruh negeri Selangor.

YIDE juga berkongsi perkembangan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, yang bakal menjadi pusat kecemerlangan dan pembangunan holistik anak-anak yatim — sebuah inisiatif jangka panjang demi melahirkan generasi cemerlang dari kalangan anak yatim.

Terima kasih kepada YB Datuk Dr. Haniff atas kesudian menerima kunjungan dan sokongan terhadap usaha-usaha kebajikan yang dijalankan oleh YIDE demi manfaat ummah di Selangor.



4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



YIDE DI LARIAN MERDEKA MAIS 2025

Shah Alam, 29 April - YIDE membuka reruai khas sempena Larian Merdeka MAIS, bersempena Bulan Kemerdekaan dan Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan Edisi Ogos 2025.

Alhamdulillah, penyertaan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) di Larian Merdeka MAIS 2025 telah berlangsung dengan meriah! Kehadiran orang ramai memeriahkan reruai khas YIDE yang diadakan bersempena Bulan Kemerdekaan dan Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan Edisi Ogos 2025.

Sorotan Menarik:

- Perkongsian tentang misi YIDE dalam menyantuni anak-anak yatim melalui projek Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah.
- Penerangan berkenaan usaha membantu pesakit buah pinggang di Pusat Dialisis MAIS.
- Aktiviti santai & interaktif yang mendapat sambutan daripada para pengunjung.

Terima kasih kepada semua yang singgah dan memberi sokongan. Semoga usaha kecil ini menjadi inspirasi untuk kita terus berganding bahu membina masa depan lebih cerah buat mereka yang memerlukan.

YIDE TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PERTUBUHAN AL KHAIR MALAYSIA

SHAH ALAM, 12 Ogos - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Pertubuhan Al Khair Malaysia yang diketuai oleh YBr. Puan Dienna Mardzi, Pegawai Kanan Al Khair, disambut mesra oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE.

Pertemuan ini menjadi titik permulaan kepada perbincangan strategik bagi membina potensi sinergi dalam usaha menyantuni anak-anak yatim di Negeri Selangor, khususnya dalam aspek kelangsungan kebajikan, pendidikan dan pembangunan sahsiah.

Semoga jalinan kerjasama ini akan membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk memastikan anak-anak yatim terus menerima kasih sayang, bimbingan, dan peluang masa depan yang cerah.



JELAJAH PBT 2025: KEBERSAMAAN & KEPRIHATINAN ANAK-ANAK YATIM YIDE DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Sabak Bernam, 15 Ogos 2025 - Yayasan Islam Darul Darul Ehsan telah mengadakan siri perkongsian mengenai 'Kebersamaan & Keprihatinan Terhadap Anak-Anak Yatim Di Negeri Selangor' bersama warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam hari ini.

Taklimat yang disampaikan oleh Saudara Mohd Akmal Hafsyam, Pengurus Korporat YIDE menyentuh peranan YIDE dan kerbersamaan masyarakat untuk sama-sama mencakna kelangsungan kebajikan anak-anak yatim di Selangor khususnya untuk menyokong inisiatif-inisiatif YIDE untuk memastikan keperluan kebajikan, pembangunan sendiri dan pendidikan terus terbela melalui Skim Potongan Gaji secara bulanan.

Semoga program Jelajah PBT Selangor 2025 ini dapat memperkukuhkan jalinan sinergi yang berterusan demi harapan masa depan anak-anak yatim khususnya di negeri Selangor.

4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM

KASIH ANAK YATIM DI UDARA UiTM FM

SHAH ALAM, 3 September - Sempena Bulan Anak Yatim 2025, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama UiTM FM telah berjaya mengadakan siaran istimewa bagi mengangkat suara anak-anak yatim serta menyemarakkan semangat prihatin dalam masyarakat.

Dalam sesi ini, Saudara Akmal Hafsyam, Pengurus Korporat YIDE, berkongsi mengenai peranan YIDE, fungsi organisasi, pengenalan Bulan Anak Yatim, program-program sepanjang Bulan Anak Yatim, serta cara masyarakat dapat membantu anak-anak yatim melalui sumbangan, sokongan program dan inisiatif YIDE. Perkongsian ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan membela nasib anak-anak yatim serta memberi mereka peluang cerah untuk masa depan.

YIDE amat berterima kasih kepada pihak UiTM FM atas jemputan serta layanan baik yang diberikan sepanjang siaran berlangsung. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi manfaat ummah dan generasi pewaris bangsa.



KULIAH DHUHA KHAS KERJASAMA YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN & MASJID KAMPUNG SEMENTA

Klang, 2 September 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Masjid Kampung Sementa telah berjaya menganjurkan Program Kuliah Dhuha Khas bersempena Bulan Anak Yatim Negeri Selangor.

Program ini bertujuan untuk menyemarakkan penghayatan ilmu agama, menyantuni masyarakat setempat, dan memperkukuhkan ukhuwah antara YIDE dengan komuniti.

Antara pengisian utama program:

1. Penerangan tentang beberapa tokoh wanita penghulu syurga
2. Perkongsian ilmu tentang kepentingan memelihara anak-anak yatim
3. Motivasi untuk meningkatkan amalan di bulan kelahiran Rasulullah SAW

Kehadiran lebih daripada 1000 orang jemaah melibatkan ahli kariah masjid dan pelajar sekolah serta muslimat daripada Hulu Klang yang telah memeriahkan suasana majlis.

YIDE merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Masjid Kampung Sementa, para jemaah, serta semua penyumbang yang telah menjayakan program ini. Semoga usaha ini menjadi saham jariah yang berpanjangan dan diberkati oleh Allah SWT.



REACH OUT YIDE BERSAMA JEMAAH MUSLIMAH MASJID AL-IKHLAS, SEKSYEN 13, SHAH ALAM

SHAH ALAM, 7 Ogos - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited menghubungkan titik kebersamaan dengan masyarakat melalui program YIDE Reach Out yang diadakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1447H di Masjid Al-Ikhlash.

Dalam sesi bersama jemaah muslimah, YIDE berkongsi maklumat mengenai pelbagai inisiatif yang dilaksanakan bagi menyantuni penerima manfaat termasuk:

- Anak-anak yatim
- Pesakit buah pinggang
- Mangsa musibah

YIDE mengajak seluruh masyarakat untuk terus bersama menjayakan usaha kebajikan ini, demi memastikan kelestarian sokongan kepada mereka yang memerlukan.



4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM

WACANA IHSAN YIDE: “KASIH ANAK YATIM, BUKTI CINTA RASUL”

SHAH ALAM, 9 September - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Masjid Raja Bendahara Tengku Badar Shah, Denai Alam telah berjaya menganjurkan Wacana Ihsan YIDE sempena Bulan Anak Yatim dan bulan kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Wacana ini diadakan bagi menghayati kisah perjuangan Rasulullah SAW sebagai seorang anak yatim dan menzahirkan rasa kasih sayang serta kepedulian terhadap golongan yang memerlukan.

Antara pengisian utama wacana ini ialah:

- Mengupas kisah perjuangan Rasulullah SAW sebagai anak yatim
- Menyedari keutamaan menyantuni anak-anak yatim
- Menyuburkan nilai ihsan, kasih sayang, dan kepedulian dalam masyarakat

Kehadiran para jemaah yang memenuhi ruang masjid memeriahkan lagi suasana wacana ilmu ini. Semoga segala perkongsian yang disampaikan oleh PU Dr. Hafiz Haneefa dapat memberi manfaat, menambah kefahaman, dan meningkatkan rasa kasih sayang sesama insan.



FORUM BICARA MUFTI: KASIH ANAK YATIM BUKTI CINTA RASUL

SHAH ALAM, 17 September - Sempena Bulan Anak Yatim YIDE 2025, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menganjurkan Forum Bicara Mufti bertajuk “Kasih Anak Yatim, Bukti Cinta Rasul” secara siaran langsung di Facebook. Program ini diadakan pada 17 September 2025 dan disertai oleh dua panel hebat iaitu S.S. Dato’ Seri Utama Diraja Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir, Mufti Selangor, dan Imam Muda Hassan, Sahabat Dakwah YIDE.

Forum ini memberi pencerahan mendalam tentang kepentingan memelihara kebajikan anak-anak yatim serta mengaitkannya dengan ajaran Rasulullah ﷺ. Perkongsian para panel mengupas bagaimana kasih sayang terhadap anak yatim merupakan tanda kecintaan kepada Baginda Nabi, di samping menyeru masyarakat untuk berganding bahu menyantuni golongan ini melalui sokongan moral, pendidikan, dan sumbangan.

YIDE amat menghargai kerjasama erat daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor dalam menjayakan forum ini dan berharap agar sinergi ini dapat diteruskan. Semoga segala ilmu dan nasihat yang disampaikan menjadi inspirasi untuk masyarakat terus menyebarkan rahmah kepada anak-anak yatim, sekaligus menghidupkan sunnah Nabi Muhammad ﷺ.



JELAJAH PBT 2025: KEBERSAMAAN & KEPRIHATINAN ANAK YATIM YIDE DI MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Shah Alam, 25 September 2025 - Yayasan Islam Darul Darul Ehsan sekali lagi dijemput untuk menyampaikan perkongsian dan taklimat mengenai 'Kebersamaan & Keprihatinan Terhadap Anak-Anak Yatim Di Negeri Selangor' bersama warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam tempoh hari.

Taklimat yang disampaikan oleh Saudara Mohd Akmal Hafsyam, Pengurus Korporat YIDE menyentuh peranan YIDE dan kerbersamaan masyarakat untuk sama-sama mencakna kelangsungan kebajikan anak-anak yatim di Selangor khususnya untuk menyokong inisiatif-inisiatif YIDE untuk memastikan keperluan kebajikan, pembangunan sendiri dan pendidikan terus terbela melalui Skim Potongan Gaji secara bulanan.

Semoga program Jelajah PBT Selangor 2025 ini dapat memperkukuhkan jalinan sinergi yang berterusan demi harapan masa depan anak-anak yatim khususnya di negeri Selangor.



5.0

LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.1 Pengenalan

5.2 Cawangan Dialisis MAIS

5.3 Statistik Pesakit Dialisis

5.4 Lawatan Pakar Nefrologi
& Doktor Perubatan

5.5 Jalinan Strategik & Aktiviti



5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.1 PENGENALAN



Pada tahun 2013, Yayasan Islam Darul Ehsan telah mula mengorak langkah dengan mengambilalih dan mengurus selia enam (6) buah Pusat Dialisis MAIS yang sebelum ini di bawah pengurusan MAIS Dialisis Sdn Bhd. Asas penubuhan Pusat Dialisis MAIS adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis yang berkualiti kepada pesakit buah pinggang.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melalui seliaan Pusat Dialisis MAIS komited menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang berkualiti tinggi kepada pesakit-pesakit buah pinggang di seluruh Negeri Selangor. Dengan sebanyak 6 cawangan beroperasi aktif, pusat-pusat ini memberi rawatan kepada 263 orang pesakit secara berterusan, disokong oleh kehadiran doktor pakar nefrologi dan pasukan perubatan terlatih yang berdedikasi. Setiap pusat dialisis ini memastikan standard rawatan yang terbaik serta persekitaran yang selesa dan mesra pesakit, selaras dengan misi kebajikan YIDE untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan ummah.

Seiring dengan keperluan yang semakin meningkat, YIDE bakal mengembangkan lagi jaringan perkhidmatannya dengan membuka dua lagi Pusat Dialisis baharu yang dijangka beroperasi di Masjid Ar Raudhah, Puncak Perdana dan Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA Sepang. Inisiatif ini bukan sahaja memperluaskan akses rawatan kepada komuniti setempat, malah mencerminkan komitmen YIDE dalam menjamin mutu perkhidmatan terbaik kepada setiap pesakit. Dengan pendekatan yang berteraskan nilai ihsan dan profesionalisme, YIDE terus berusaha menjadi peneraju dalam perkhidmatan dialisis berteraskan kebajikan Islam di negeri Selangor.



5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.2 CAWANGAN DIALISIS MAIS

PUSAT DIALISIS MAIS
SHAH ALAM



61

Orang

Pesakit Dialisis

12

Mesin

Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi

Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab

Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

PUSAT DIALISIS MAIS
KAPAR



46

Orang

Pesakit Dialisis

9

Mesin

Hemodialisis

1

Mesin

Hemodialisis (Hepatitis C)

Doktor Pakar Nefrologi

Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab

Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS
SUNGAI BESAR



41

Orang

Pesakit Dialisis

9

Mesin

Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi

Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab

Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS
KUALA SELANGOR



42

Orang

Pesakit Dialisis

8

Mesin

Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi

Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab

Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS
TAMAN MELAWATI



42

Orang

Pesakit Dialisis

6

Mesin

Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi

Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab

Dr. Hanafiah Bin Bashirun

PUSAT DIALISIS MAIS
BUKIT JELUTONG



29

Orang

Pesakit Dialisis

6

Mesin

Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi

Dr. Lim Li Han


Orang Yang Bertanggungjawab

Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

Kemaskini sehingga 30 September 2025

5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.3 STATISTIK PESAKIT DIALISIS



JUMLAH PESAKIT
261

PESAKIT TAJAAN LZS
135

LAIN-LAIN TAJAAN
126

DATA MASUK DAN KELUAR PESAKIT MENGIKUT CAWANGAN BAGI TAHUN 2025		
CAWANGAN SHAH ALAM 15 Orang (-10 Orang)	CAWANGAN KAPAR 2 Orang (-6 orang)	CAWANGAN SUNGAI BESAR 11 Orang (-9 Orang)
CAWANGAN KUALA SELANGOR 6 Orang (-6 Orang)	CAWANGAN TAMAN MELAWATI 10 Orang (-7 Orang)	CAWANGAN BUKIT JELUTONG 4 Orang (-5 Orang)

STATISTIK PESAKIT MENGIKUT JANTINA			
CAWANGAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
SHAH ALAM	34	27	61
KAPAR	23	23	46
SUNGAI BESAR	17	24	41
KUALA SELANGOR	18	24	42
TAMAN MELAWATI	24	18	42
BUKIT JELUTONG	15	14	29
	131	132	<u>261</u>

Kemaskini sehingga 30 Septmeber 2025

5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.4 LAWATAN PAKAR NEFROLOGI DAN DOKTOR PERUBATAN

CAWANGAN SHAH ALAM			CAWANGAN KAPAR			CAWANGAN SUNGAI BESAR		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN	12/1/25	30/1/25	JAN		6 & 7/1/25	JAN	31 & 31 /1/25	8 & 9/1/25
FEB		26/2/25	FEB		4 & 5/2/25	FEB		1 & 3/2/25
MAC		22/3/25	MAC	8/3/25	10 & 11/3/25	MAC		5 & 6/3/25
APRIL		16 & 17/4/25	APRIL		9 & 10/4/25	APRIL		2 & 3/4/25
MEI	1,9 & 12/5/25		MEI	31/5/25	2 & 3/5/25	MEI	12/5/25	8 & 9/5/25
JUN		24, 25/6/25	JUN		2 & 3/6/25	JUN		4 & 5/6/25
JULAI		21, 22/7/25	JULAI		2 & 3/7/25	JULAI		4 & 5/7/25
OGOS	14, 27/8/25	14, 25/8/25	OGOS	30/8/25	5 & 6/8/25	OGOS	22 & 23/8/25	1 & 2/8/25
SEPT	4/9/25	24, 25/9/25	SEPT		5 & 6/9/25	SEPT		3 & 4/9/25
OKT			OKT			OKT		
NOV			NOV			NOV		
DIS			DIS			DIS		

CAWANGAN KUALA SELANGOR			CAWANGAN TAMAN MELAWATI			CAWANGAN BUKIT JELUTONG		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN		1 & 2 /1/25	JAN	29/1/25	13/1/25	JAN	28 & 29/1/25	17/1/25
FEB	22/2/25	6 & 7/2/25	FEB		6/2/25	FEB		22/2/25
MAC		1 & 3/3/25	MAC		7/3/25	MAC		29/3/25
APRIL		4 & 5/4/25	APRIL		22/4/25	APRIL		17/4/25
MEI	17/5/25		MEI	16/5/25	28/5/25	MEI	1 & 12/5/25	30/5/25
JUN		26 & 27/6/25	JUN		5/6/25	JUN		28/6/25
JULAI		7 & 8/7/25	JULAI		16/7/25	JULAI		29/7/25
OGOS	23/8/25	13 & 14/8/25	OGOS	8 & 9/8/25	12/8/25	OGOS	14 & 25/8/25	29/8/25
SEPT		1 & 2/9/25	SEPT		15/9/25	SEPT		26/9/25
OKT			OKT			OKT		
NOV			NOV			NOV		
DIS			DIS			DIS		

Kemaskini sehingga 30 September 2025

5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.5 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



DEMI PROJECT UKM GSB BERSAMA PUSAT DIALISIS MAIS – MENYANTUNI DENGAN HARAPAN

2 September 2025

DEMI Project pelajar UKM telah melakar satu lagi sejarah bermakna melalui gimik serahan Mockup Kunci pengangkutan kepada Pusat Dialisis MAIS Cawangan Taman Melawati. Majlis penuh simbolik ini disaksikan oleh Dr. Ummu Ajirah binti Abdul Rauf, Penasihat DEMI Project, serta Pn. Siti Saliha Binti Walat, Ketua Jururawat Pusat Dialisis MAIS Taman Melawati, sebagai tanda sokongan padu dalam usaha memudahkan perjalanan para pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis.



5 September 2025

Semangat itu diteruskan dengan gimik serahan Mockup Kunci pengangkutan di Pusat Proton Bunga Raya, Melaka. Kehadiran Dr Ummu Ajirah binti Abdul Rauf, Penasihat DEMI Project, bersama Pn. Nor Hafzam binti Mohammad, Pengurus Bahagian Operasi Dialisis YIDE, menzahirkan komitmen dan kerjasama erat demi memastikan setiap inisiatif yang diusahakan memberi manfaat sebenar kepada masyarakat.

Setiap simbolik serahan ini bukan sekadar penyerahan kunci, tetapi juga penyerahan harapan dan kemudahan buat pesakit buah pinggang yang menjalani dialisis yang saban hari berjuang meneruskan kehidupan.

TNB KEPONG PRIHATIN: SUMBANGAN RM 10,000 UNTUK HARAPAN BARU.

KEPONG, 8 September 2025 - Tenaga Nasional Berhad Kuala Lumpur, yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Ainuddin Md Khairuddin, Jurutera Utama (Asset Manager KL Timur), bersama pasukan Business Support Office Kepong & Kelab Kilat Metro telah melaksanakan simbolik penyerahan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bernilai RM 10,000 kepada Pusat Dialisis MAIS Cawangan Taman Melawati.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan TNB dalam memperkukuh hubungan bersama komuniti serta menyokong kesejahteraan masyarakat setempat



LAWATAN TAPAK YAYASAN INFAQ ANGKASA KE PROJEK PEMBINAAN PUSAT DIALISIS LZS-YIDE DI MASJID AR-RAUDHAH, PUNCAK PERDANA.

Pada 28 Ogos 2025, pihak Yayasan Infaq ANGKASA (YIA) telah mengadakan lawatan tapak ke projek pembinaan Pusat Dialisis LZS-YIDE di Masjid Ar-Raudhah, Puncak Perdana. Lawatan ini diadakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YIA Bil. 2/2024, yang telah meluluskan sumbangan berjumlah RM500,000 bagi tujuan pembangunan projek tersebut.

Dalam lawatan berkenaan, pihak YIA diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif YIA, YBr. Dr. Mohd Azlan bin Yahya telah disambut oleh Pengurus Besar Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), YBr. Nur Mohd Razali bin Abdullah, serta Pengurus Bahagian Perancangan & Pengurusan YIDE, Encik Md. Arifin bin Jaafar serta wakil Pengurusan Masjid Ar-Raudah.

YIDE amat menghargai sokongan dan kerjasama erat daripada YIA dalam menjayakan projek ini yang bakal memberi kemudahan rawatan dialisis kepada masyarakat setempat. Semoga usaha ini menjadi amal soleh dan manfaat berterusan kepada semua pihak yang terlibat.



6.0

LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN & RISIKO

6.1 Jalinan Strategik dan Aktiviti Umum



6.0 LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, RISIKO DAN INTEGRITI

6.1 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



PENILAIAN ANUGERAH AIGA 2025

Shah Alam, 29 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), sebuah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), telah menjalani sesi penilaian bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) Tahun 2025 oleh pegawai-pegawai penilai daripada Institut Integriti Malaysia (IIM).

YIDE komited dalam mengamalkan tadbir urus yang baik serta menjunjung nilai integriti dan ketelusan dalam setiap aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan. Terima kasih kepada pihak IIM atas sesi yang bermanfaat ini.

MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN SELANGOR

Shah Alam, 30 Julai 2025 - Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI), YIDE telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi PMO, Yayasan Selangor bagi menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pengalaman berkaitan tadbir urus, pematuhan, pengurusan audit dalam, risiko serta integriti.

Sesi ini membuka ruang kepada pertukaran pandangan dan amalan terbaik antara dua entiti yang komited terhadap pengukuhan nilai integriti dan tatakelola yang berkesan dalam sektor yang sama dibawah syarikat berhad menurut jaminan (CLBG). Semoga hubungan sinergi ini dapat diperkukuh demi tadbir urus yang lebih mampan dan berintegriti.

Kunjungan diketuai oleh Encik Suhaimi Bin Sulaiman; Pengurus PMO, Yayasan Selangor bersama pasukannya.



YIDE KE ARAH AKREDITASI PENSIJILAN MS ISO QMS, ABMS DAN SHARIAH

Shah Alam, 6-7 Ogos 2025 - Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) telah menganjurkan Kursus Pengenalan Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 (QMS), ISO 37001:2016 (ABMS) dan Syariah 1900:2015 kepada kakitangan YIDE selama 2 hari.

Inisiatif ini merupakan langkah awal YIDE ke arah pensijilan akreditasi, selaras dengan usaha meningkatkan keberkesanan tadbir urus, mengukuhkan integriti serta memastikan pengurusan dana awam dijalankan secara telus dan berlandaskan syariah. Usaha ini turut menjadi platform untuk menyatukan kefahaman kakitangan dalam melaksanakan amalan terbaik di semua peringkat operasi.

Kursus ini telah dikendalikan oleh wakil bertauliah daripada Paisley Consulting Sdn. Bhd. dan turut dihadiri oleh Pengurus Besar YIDE, yang menunjukkan komitmen pengurusan tertinggi terhadap inisiatif ini. Ia menjadi titik permulaan penting dalam usaha YIDE mencapai pensijilan MS ISO yang diiktiraf serta memperkukuh keyakinan penyumbang dan pihak berkepentingan terhadap peranan YIDE sebagai pemegang amanah dana ummah.

6.0 LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, RISIKO DAN INTEGRITI

6.1 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM

YIDE MEMPERKASA TATAKELOLA DAN GOVERNAN BERSAMA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

SHAH ALAM, 17 September - BADRI telah mengadakan Sesi Awareness Kepatuhan dan Integriti Kepada Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE (ALPA) Bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam Mesyuarat ALPA YIDE Bil.03/2025 pada 17 September 2025. Awareness ringkas ini memberikan penerangan ringkas berkaitan *Peranan dan Tanggungjawab Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE kepada Kepatuhan Akta Syarikat 1965/2016* yang telah disampaikan oleh YBrs. Puan Ravinderjit Kaur ; Pengurus Bahagian Pendakwaan Dan Litigasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Mesyuarat ALPA YIDE Bil.03/2025 bertarikh 17 September 2025 telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mazlan Bin Mansor merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Ini merupakan inisentif BADRI dalam usaha memantapkan tatakelola dan governan YIDE yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan perkenan DYYM Sultan Selangor. YIDE merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tertakluk dibawah Akta Syarikat 1965/2016. Objektif Utama penubuhan; Menguruskan Hal Ehwal Anak-Anak Yatim Negeri Selangor, Menguruskan Bantuan Musibah & Malapetaka dan Menjalankan Sosial Bisnes; Dengan Menyediakan Perkhidmatan Rawatan Hemodialisis, di 6 Pusat Dialisis MAIS (PDM).



7.0

AKTIVITI UMUM

7.1 Mesyuarat Sulung

Jawatankuasa Keselamatan
dan Kesihatan Pekerjaan
(JKKP) YIDE

7.2 YIDE Ke Arah Kemampanan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



7.0 AKTIVITI UMUM



7.1 MESYUARAT SULUNG JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) YIDE

Shah Alam, 3 Julai 2025 - telah berlangsung Mesyuarat Sulung Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bertempat di Pejabat Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Mesyuarat ini menjadi platform permulaan bagi membincangkan hala tuju, dasar serta tanggungjawab bersama dalam memperkukuh aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi. Antara fokus utama yang dibincangkan termasuklah langkah pencegahan risiko di tempat kerja, peningkatan kesedaran keselamatan dalam kalangan staf, serta pelaksanaan prosedur kerja selamat yang mematuhi peraturan semasa.

Turut hadir, wakil-wakil daripada cawangan Pusat Dialisis YIDE yang memainkan peranan penting dalam memastikan persekitaran kerja klinikal dan operasi harian sentiasa berada pada tahap terbaik.

Komitmen ini mencerminkan kesungguhan YIDE dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga kerja terus terpelihara, seiring dengan matlamat organisasi untuk berkhidmat kepada ummah secara profesional, selamat dan berintegriti.



7.2 YIDE KE ARAH KEMAMPANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Shah Alam, 11 Ogos - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus melangkah ke hadapan dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diutamakan. YIDE telah menganjurkan Bengkel Occupational Safety and Health Coordinator (OSH-C) yang dihadiri oleh 17 Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, merangkumi pegawai YIDE, pegawai yang bertanggungjawab Pusat Dialisis MAIS, serta pengurus-pengurus Rumah Kebajikan Anak Yatim berdaftar di bawah YIDE. Bengkel ini telah bermula pada 11 hingga 13 Ogos 2025 dan bertempat di ibu pejabat YIDE.

Bengkel ini telah mendapat pengisian berharga melalui taklimat yang disampaikan oleh YBr. Tuan Haji Safuan bin Darus dari Utechtiem, yang berkongsi kepakaran beliau dalam memahami keperluan undang-undang keselamatan pekerjaan, pengurusan risiko, prosedur kecemasan, dan amalan terbaik bagi memastikan tempat kerja sentiasa selamat.

Apa itu OSH-C?

Di Malaysia, modul OSH-C merangkumi latihan menyeluruh tentang pengurusan risiko tempat kerja, pematuan undang-undang keselamatan, pengendalian peralatan, prosedur kecemasan, serta amalan pencegahan kemalangan dan penyakit akibat konsekuensi pekerjaan.

Manfaat untuk YIDE

Bagi YIDE, modul ini sangat penting kerana:

- Keselamatan penghuni rumah kebajikan anak yatim lebih terjamin, memastikan mereka berada di persekitaran yang sihat dan selamat.
- Perlindungan untuk pesakit buah pinggang di Pusat Dialisis MAIS, di mana kebersihan, prosedur kecemasan, dan kawalan risiko dapat dilaksanakan dengan piawaian yang tinggi.
- Kesiapsiagaan pekerja dalam menangani insiden atau kecemasan di tempat kerja.

Dengan pendedahan ini, YIDE bukan sahaja memenuhi tanggungjawab undang-undang, tetapi juga menzahirkan komitmen terhadap kebajikan semua pihak yang berada di bawah naungan kami.

8.0 AKAUN SUMBANGAN YIDE

Sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun:
YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



1223 4010 0188 25

BANK ISLAM



5621 0686 6637



2626 2500 0114 39

RHB Islamic



1005 0540 0000 4293



Setiap sumbangan anda layak menerima Pengecualian Cukai Pendapatan & Potongan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967

Untuk maklumat lanjut hubungi :
03 - 3345 990 (Ibu Pejabat)

(Talian Hotline)

017 - 756 9478
Encik Akmal

012-774 9452
Encik Zabidi

017-756 9451
Encik Haziq



YAYASAN ISLAM
D A R U L E H S A N

NO 3, Jalan Keluli Am7/Am, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor

•Tel : 03-3345 9900 •Email :info@yide.com.my
•Website : www.yide.com.my